

PENGURUSAN KAWALAN PENYAKIT DENGGI

KEMENTERIAN KESIHATAN





RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dirumuskan bahawa pengurusan kawalan penyakit denggi oleh KKM telah mencapai objektif iaitu untuk mengurangkan kejadian penyakit dan kematian. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan yang memberi kesan kepada keberkesanan pengurusan kawalan penyakit denggi seperti faktor pasukan petugas dan peralatan serta kerjasama masyarakat dalam menangani penyakit denggi".


PENCAPAIAN OUTPUT

Aktiviti Kawalan Lokaliti Satu Kes



- Kelewatan maksimum aktiviti PTP: 127 - 292 hari **1,747 Kes (7.7%)**
- Kelewatan maksimum aktiviti SRT: 206 - 294 hari **6,462 Kes (48.3%)**

Aktiviti Kawalan Lokaliti Melebihi Satu



- Aktiviti kawalan dilaksanakan terhadap 55,170 (92.4%) kes.
- Aktiviti kawalan tidak dilaksanakan terhadap 4,519 (7.6%) kes.
- Kes berlarutan antara 17 – 78 hari.

SKOP PENGAUDITAN

6 TAHUN

2017 hingga 2022

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Pengurangan Kejadian Penyakit:

- Kadar insiden denggi menunjukkan penurunan pada tahun 2020 dan 2021.
- Pada tahun 2022, kadar insiden meningkat namun masih rendah dan terkawal berbanding tahun 2017 dan 2018.

Pengurangan Kematian:

Kadar kematian berkurang dari 0.14% (2017) kepada 0.01% (2022).

Kadar kematian denggi **mencapai sasaran bawah 0.2%**.



PENGURUSAN AKTIVITI



Nisbah bilangan perjawatan berbanding bilangan lokaliti tidak seimbang antara PKD/PK.



Agihan kendaraan dan peralatan berbanding pasukan tidak seimbang.



15 daripada 17 lokaliti projek Wolbachia menunjukkan penurunan kes antara 33.3% hingga 100%.



Aktiviti COMBI masih **gagal** mengurangkan kes denggi.



Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan tidak memainkan peranan yang signifikan dalam mengawal bilangan kes.



Hanya **satu daripada 14** penyelidikan yang telah dioperasikan.

SYOR AUDIT

3